

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. HAJI NOOR AZMI BIN GHAZALI
[BAGAN SERAI]**

TARIKH : 12 NOVEMBER 2019

SOALAN

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah Kementerian bersedia untuk mewujudkan pemindahan air dari hulu Sungai Perak ke Tasek Bukit Merah demi membantu pengairan sawah padi di daerah Kerian khususnya Parlimen Bagan Serai yang natijahnya dijangka akan meningkatkan hasil padi, justeru meningkatkan pendapatan pesawah-pesawah dari jelapang padi negara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak RM1.395 billion telah diperuntukkan untuk tujuan pengukuhan infrastruktur pengairan dan saliran bagi Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) di mana di bawah RMKe11 untuk meningkatkan produktiviti padi termasuk di kawasan IADA Kerian. Kawasan Bagan Serai mempunyai keluasan bertanam padi sebanyak 5,285.52 hektar dengan jumlah pesawah 2,451 orang.
2. Program *National Water Balance Management System (NAWABS)* Fasa 1 (2016 – 2020) dan Fasa 2 (2019 – 2022) yang dilaksanakan oleh Kerajaan melalui Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS) akan menyediakan satu sistem maklumat yang mampu membuat ramalan dan amaran kemarau sumber air lebih awal iaitu ramalan 2 bulan dan amaran 14 hari ke hadapan.
3. Program ini sedang diperluaskan ke seluruh lembangan sungai di Malaysia termasuk di Sungai Perak, Sungai Kerian dan Sungai Kurau. Ketiga-tiga lembangan sungai di Negeri Perak ini akan dilaksanakan dalam NAWABS Fasa 2. Objektif program ini adalah membantu pihak Pengurusan Sumber Air Negeri dalam menyediakan ketersediaan maklumat sumber air. Kajian ini antaranya juga akan mengkaji kecukupan sumber air serta mengenalpasti potensi serta kesesuaian pemindahan air dari satu lembangan sungai ke lembangan sungai yang lain (*inter-basin transfer*).

Sekian, terima kasih.